

Jepun-Malaysia luaskan kerjasama

Shinzo Abe adakan lawatan rasmi tiga hari ke negara ini sebagai wakil khas PM Jepun

KUALA LUMPUR

Skop kerjasama Jepun-Malaysia kini diperluaskan bagi melangkaui hubungan dua hala ke arah memupuk keamanan dan kemakmuran di rantau ini dan juga di seluruh dunia, kata bekas Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe.

Menurut Abe, dalam mengalu-alukan peluasan hubungan dua hala itu, Jepun berazam untuk terus bekerjasama dengan Malaysia bagi mengekalkan dan mengukuhkan ketenteraman antarabangsa yang bebas serta terbuka.

"Jepun dan Malaysia yang berkongsi kepentingan strategik serta nilai asas seperti demokrasi dan kedaulatan undang-undang terus meluaskan skop kerjasama melangkaui bidang ekonomi dan sosial," kata beliau dalam temu bual bertulis menjelang ketibaannya di sini pada Khamis untuk lawatan rasmi tiga hari sebagai wakil khas Perdana Menteri, Fumio Kishida.

Abe berkata, amat bermakna bagi kedua-dua negara untuk terus menggalakkan kerjasama dalam kesejahteraan dan keselamatan maritim serta pembinaan kapasiti bagi merealisasikan *Free and Open Indo-Pacific* (FOIP) dan ASEAN *Outlook on the Indo-Pacific* (AOIP) untuk menjamin keamanan dan kemakmuran di rantau ini serta masyarakat antarabangsa.

Jelas beliau lagi, wilayah Indo-Pasifik yang turut menempatkan Jepun dan Malaysia menghadapi cabaran serius terhadap ketenteraman antarabangsanya



FOTO: BERNAWA

Al-Sultan Abdullah (tengah) berkenan menerima menghadap Abe (kiri) di Istana Negara pada Jumaat.

yang bebas dan terbuka berdasarkan kedaulatan undang-undang daripada percubaan untuk mengubah status quo secara unilateral menerusi kekerasan serta paksaan ekonomi.

"Jepun dan Malaysia adalah negara demokrasi, negara perdagangan dan negara maritim. Ketenteraman antarabangsa yang sedia ada dan bukannya tindakan menerusi kekerasan menjadi pemangkin yang membolehkan kedua-dua negara membangun.

"Saya yakin bahawa dengan mengekalkan dan mengukuhkan langkah-langkah ini, ia akan membawa keamanan dan kemakmuran kepada rantau ini," katanya.

Abe yang menjadi Perdana Menteri dua kali dalam tempoh sembilan tahun dan ketua kerajaan paling lama dalam sejarah Jepun menegaskan bahawa Jepun mempromosikan FOIP dan akan bekerjasama secara aktif dengan rakan kongsi-

nya termasuk Malaysia yang disifatkannya sebagai 'rakan sehaluan' untuk merealisasikan AOIP yang berkongsi banyak prinsip asas.

Beliau memberi contoh peningkatan kedaulatan undang-undang di laut yang menyaksikan Jepun menyokong pembinaan kapasiti pegawai pengawal pantai Malaysia sejak penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pada 2005.

Lawatan Abe ke Malaysia juga adalah sempena ulang tahun ke-65 hubungan diplomatik antara Jepun dan Malaysia serta ulang tahun ke-40 'Dasar Pandang Ke Timur' yang menyaksikan Malaysia mencontohi etika kerja dan sistem pengurusan Jepun untuk meningkatkan prestasi ekonomi serta produktiviti.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan me-

nerima menghadap Abe di Istana Negara pada Jumaat.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin berkata, pada pertemuan yang bermula pada jam 3.30 petang itu, Al-Sultan Abdullah turut berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Dalam Politik Ekonomi kepada Abe sempena Majlis Konvokesyen ke-36 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang dijadualkan berlangsung pada Sabtu.

"Seri Paduka menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Abe atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Dalam Politik Ekonomi daripada UIAM kepada beliau.

"Seri Paduka turut menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Abe dan kerajaan Jepun sempena Ulang Tahun ke-40 Dasar Pandang ke Timur (DPT) Malaysia dan 65 tahun penubuhan hubungan diplomatik Malaysia serta Jepun," menurutnya dalam satu kenyataan.

- Bernama